

Kerajaan tadbir wang negara secara cekap

UM 10 JUL 2001

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 9 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mentadbir kewangan negara secara cekap dan bijak bagi memastikan Malaysia terus bebas daripada cengkaman kuasa asing.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, jika kerajaan tidak cekap menguruskan kewangan negara, keadaan tentulah tidak seperti sekarang ini.

Konsep globalisasi, kata Dr. Mahathir, mempunyai bahaya yang amat besar sebagaimana peng-

alaman negara diserang penyangak mata wang pada 1997 tetapi terbukti kerajaan tahu menanganinya.

"Malaysia masih bebas. Tidak seperti kebanyakan negara lain yang terpaksa berhutang kepada pihak tertentu.

"Kita ingin teruskan kebebasan ini. Maka itu amat penting sekali, kita mentadbir negara ini secara cekap dan tersusun," katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa menyampaikan amanat kepada warga Kementerian Kewangan di Kompleks Kerajaan Persekutuan, Jalan Duta, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, hanya menerusi pentadbiran cekap sahajalah dapat menentukan negara terus mampu menangkis serangan daripada pihak lain yang bertujuan memiskinkan negara.

"Jika mereka berjaya,

kita akan dipaksa minta pertolongan atau hutang daripada pihak tertentu yang mahu menguasai ekonomi dan kewangan negara kita.

Ihsan

"Kita tidak lagi akan dapat menguasai atau merancang pembangunan negara kita seperti yang telah kita lakukan sejak merdeka," katanya.

Perdana Menteri berkata, banyak negara membangun yang terpaksa pergi ke luar pada setiap tahun memintaminta untuk mendapat ihsan daripada Paris Club atau sebagainya.

Malaysia, katanya, tidak lagi perlu meminta hutang daripada Bank Dunia, sebaliknya berhutang daripada pihak tertentu yang tidak mengenakan syarat kepada kerajaan malah memberi pinjaman secara mudah.

Dalam pentadbiran kewangan, ujarnya, Kementerian Kewangan memainkan peranan amat penting sekali kerana ia bertanggungjawab menyediakan belanjawan tahunan negara dan rancangan-rancangan pembangunan yang lain.

"Saya percaya pegawai dan kakitangan kement-

erian bersiap sedia serta terus meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini supaya kita akan terus mengekalkan kebebasan negara kita," ujarnya.

Meminta-minta

Menurutnya, peranan yang dimainkan oleh warga kementerian akan menentukan sama ada negara akan terus bebas atau tidak.

"Jika kita tidak cekap, mengumpul dan membelanjakan secara bijak maka kita terdedah kepada keperluan untuk meminta-minta daripada

pihak yang ingin menguasai kita," katanya.

Beliau melahirkan keyakinan walaupun terdapat pertukaran dari segi Menteri Kewangan tetapi yang kekal ialah kakitangan dan pegawai kementerian yang memberi kesinambungan kepada pentadbiran kewangan.

"Saya percaya mereka tidak akan mengabaikan tugas dan meningkatkan kemampuan.

"Saya harap bila jadi Menteri Kewangan... (walaupun) tak berapa lama... saya akan dapat sokongan dan khidmat yang sama," katanya.